

28/10/2004

`Manfaat teknologi untuk cemerlang'

SHAH ALAM: Remaja diingat memanfaatkan kecanggihan teknologi dan kemudahan institusi pengajian tinggi untuk cemerlang dalam peperiksaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Sukan dan Bina Insan negeri Selangor, Datuk Ahmad Nawawi M Zin, berkata remaja seharusnya rasa bertuah kerana dapat belajar di sekolah serba moden, selain mempunyai kemudahan seperti internet dan makmal sains setanding kemudahan di negara maju.

"Kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit setiap tahun bagi menyediakan rakyat negara ini menjadi pelajar contoh yang mampu bersaing dengan pelajar negara maju.

"Kita kecewa ada remaja yang menyalahgunakan kemudahan pembelajaran sehingga mereka lalai dan kandas. Misalnya, ada remaja yang terlalu ghairah menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) sehingga mengabaikan latih tubi dan waktu belajar," katanya ketika menutup Seminar dan Motivasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2004 anjuran Persatuan Penduduk Seksyen 7 dan Berita Harian Sdn Bhd di sini, kelmarin.

Seminar itu adalah yang terakhir siri Seminar SKOR A SPM kelolaan Berita Harian dan dihadiri oleh 40 pelajar dari sekolah di sekitar Shah Alam. Ahmad Nawawi juga turut menyampaikan sijil penyertaan kepada pelajar terbabit.

Ahmad Nawawi meminta pelajar mengambil iktibar daripada kejayaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang gigih meningkatkan kepintaran walaupun terpaksa bersaing dengan pelajar negara lain dalam keadaan serba kekurangan.

"Dr Mahathir berkata, setiap pelajar sebenarnya dilahirkan cemerlang. Perkara yang menyekat mereka daripada menjadi terus pintar ialah sikap.

"Pelajar perlu bersikap dan berfikiran positif sepanjang masa untuk membuktikan rakyat Malaysia boleh melakukan yang terbaik," katanya.

(END)